

72 anjing terbiar **dilupus**

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

IPOH - Sebanyak 72 haiwan terbiar telah dilupuskan di Kuala Sepetang sejak Isnin lalu dalam usaha mencegah penularan penyakit anjing gila atau rabies.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, Dr Fuziah Muhyat berkata, pihaknya juga telah mengambil 10 sampel daripada haiwan-haiwan berkenaan untuk dianalisis di Institut Penyelidikan Veterinar (VRI).

Menurutnya, daripada 10 sampel itu, lima daripadanya telah analisis dan didapati negatif wabak Rabies.

"Tiga daripada lima lagi baki sampel yang sedang di analisis mungkin diketahui ke-

INFO

• Sebanyak 10 sampel daripada haiwan terbiar telah diambil

putusannya Jumaat ini (hari ini)," katanya pada sidang media sempena Mesyuarat Penyelarasan Tindakan Kawalan Wabak Rabies Negeri, Perak, semalam.

Difahamkan, 14 jabatan serta agensi seperti PDRM, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Majlis Daerah Taiping, Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama (LMS) dan beberapa lagi turut terlibat dalam penyelarasan berkenaan.

Sementara itu, Fuziah ber-



Anjing liar dilupuskan bagi mencegah penularan penyakit anjing gila.

kata, penglibatan agensi berkenaan diharap dapat membantu melancarkan lagi langkah pencegahan yang dilaksanakan.

Katanya, setiap agensi yang

terlibat diharap dapat memainkan peranan masing-masing dalam usaha mencegah serta mengawal wabak rabies ini agar tidak merebak.